

Headline	<b>Berfikir dulu sebelum bertindak</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>17. Jun 2008</b>	Page No	<b>10</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>85 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>		



## Berfikir dulu sebelum bertindak

**S**AYA amat tertarik dengan komentar Dr Sharifuddin Lubis dari Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor yang bertajuk, 'Elok Fikir Sendiri Kesan Kegiatan Negatif' dalam ruangan ini, Sabtu lalu.

Rata-rata yang didedahkan dan diutarakan oleh beliau adalah kenyataan dan hakikat yang perlu kita hadapi kerana dalam dunia siber apa saja gejala sosial berlaku pada bila-bila masa.

Ada ketikanya pemimpin yang bijak pandai bertindak di luar dugaan dan di luar batasan, seperti tindakan bodoh, keji, dan sebagainya yang melanggar norma masyarakat. Adakalanya sahsiah dan tindak tan-

duk mereka yang dikatakan bijak lebih teruk dibandingkan manusia biasa.

Berfikirlah sedalam-dalamnya sebelum melakukan sesuatu perkara yang mungkin mendatangkan kesan dan impak yang memudaratkan kerana prinsip dan pendirian itu lahir daripada individu itu sendiri.

Kesedaran diri dan jati diri itu harus lahir daripada individu itu sendiri. Nasihat dan teguran itu hanya satu input sampingan dan terpulang kepada kita cara berfikir dan mentafsir sesuatu elemen dengan minda positif.

**TSAI JIN,**  
*Serian, Sarawak.*